



IKMAL Hisham Abdul Aziz (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada AJK Permata sambil diperhatikan oleh Mohd. Bakri Mustapha (kanan) dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan Majlis Sumbangan Permata 2014 di Dewan SMK Tanah Merah 1 di Tanah Merah, Kelantan, semalam.

Permata akan diwujudkan di semua IPTA

TANAH MERAH 1 Feb. - Cawangan Persatuan Mahasiswa Anak Tanah Merah (Permata) akan diwujudkan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara sebelum akhir tahun ini.

Penaungnya, Datuk Ikmal Hisham Abdul Aziz berkata, kewujudan cawangan Permata di semua IPTA itu akan membantu memudahkan setiap urusan yang melibatkan ahli-ahlinya.

Beliau berkata, sehingga kini, cawangan Permata hanya terdapat di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

“Penubuhan cawangan ini akan diteruskan dan kita jangka dapat diwujudkan di seluruh IPTA sehing-

ga hujung tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Mesyuarat Agung Tahunan serta Majlis Sumbangan Permata 2014 untuk ahli-ahli persatuan peringkat diploma dan ijazah di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanah Merah 1, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gual Ipoh, Mohd. Bakri Mustapha dan Presiden Permata, Amalia Kamila Kamarulzaman.

Pada majlis berkenaan, seramai 3,500 ahli Permata yang terdiri daripada penuntut peringkat diploma dan ijazah menerima sumbangan tersebut.

Tambah Ikmal Hisham yang juga

Ahli Parlimen Tanah Merah, pihaknya sentiasa menjaga kebajikan ahli-ahli Permata dan pelbagai sumbangan telah disalurkan kepada mereka pada setiap tahun sejak persatuan itu ditubuhkan lima tahun lalu.

“Setiap tahun, kita akan menyampaikan pelbagai sumbangan seperti bantuan wang tunai, pakaian dan pelbagai kelengkapan lain,” katanya.

Dalam pada itu, Ikmal Hisham memberitahu, sehingga kini, Permata sudah mempunyai lebih 5,000 ahli yang berdaftar.

“Berdasarkan sambutan yang menggalakkan, kita merancang untuk menubuhkan Alumni Permata yang dijangka bermula pada tahun ini,” katanya.